

Pembentukan Malaysia: Reaksi dan Harapan Pemimpin dan Rakyat Sarawak

The Formation of Malaysia: Reactions and Hopes of Sarawak's Leaders and People

SUFFIAN MANSOR^{1*}, AZLIZAN MAT ENH¹ & AWANG AZMAN AWANG PAWI²

¹*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa,*

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusian,

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

Corresponding author: smansor@ukm.edu.my

Received: 20 May 2024 Accepted: 20 August 2024

Abstrak

Pembentukan Malaysia merupakan salah satu episod penting dalam memahami kronologi sejarah negara. Ini kerana peristiwa tersebut melambangkan kesatuan besar di Asia Tenggara dengan penggabungan antara Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Di sebalik cadangan pembentukan Malaysia, rancangan ini membawa pelbagai reaksi yang menentang dan menyokong dalam kalangan pemimpin dan rakyat Sarawak. Cadangan ini mengejutkan mereka kerana tujuan rancangan ini tidak jelas. Atas sebab itu cadangan pembentukan Malaysia ini mendapat reaksi negatif pada peringkat awal daripada pemimpin Sarawak. Tentangan daripada pemimpin Sarawak jelas terpampang di dada-dada akhbar di Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu. Pemimpin Tanah Melayu, Singapura dan British berusaha menyakinkan pemimpin dan rakyat Sarawak mengenai kebaikan rancangan penubuhan Malaysia. Hal ini membawa kepada kelegaan sebahagian besar pemimpin Sarawak yang mahukan kemerdekaan seiringan dengan pembangunan untuk Sarawak. Berdasarkan hal ini artikel ini cuba merungkaikan sebab musabab reaksi negatif bertukar positif dalam kalangan sebahagian besar pemimpin Sarawak. Kaedah kajian yang digunakan adalah kualitatif secara deskriptif meneliti kajian kandungan dengan menggunakan bahan primer dari dokumen arkib. Surat khabar juga digunakan dalam menghasilkan analisis artikel ini. Sumber-sumber primer ini juga disulam dengan sumber-sumber sekunder yang akan dapat memberi satu analisis baik untuk menjawab persoalan dalam perbincangan artikel ini. Dalam hal ini beberapa buah buku berkaitan dengan sejarah pembentukan Malaysia digunakan. Akhirnya dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa adanya jaminan untuk Sarawak merdeka dalam Malaysia seperti mana yang telah disepakati oleh pemimpin dan rakyat Sarawak.

Kata kunci: Sarawak; Temenggung Jugah; Tunku Abdul Rahman; Perikatan Sarawak; Komunis

Abstract

The formation of Malaysia is one of the more significant episodes in understanding the country's historical chronology. This is because it symbolizes a large union in Southeast Asia through the merging of Malaya, Sabah, Sarawak, and Singapore. Behind the proposal for Malaysia's formation, there were various reactions both opposing and supporting among the leaders and people of Sarawak. The proposal surprised them because the purpose of this plan was unclear. Therefore, this

idea initially received negative reactions from Sarawak leaders. The opposition from the leaders of Sarawak were clearly plastered all over the front pages of newspapers in Sarawak, Singapore, and Malaya. In response, leaders from Malaya, Singapore, and Britain endeavoured to persuade the leaders and people of Sarawak about the benefits of the Malaysia formation plan. This brought relief to most Sarawak leaders who desired independence along with development for Sarawak. Against this background, this article attempts to uncover the reasons why there was a shift from negative to positive reactions among a significant number of Sarawak leaders. To obtain the research findings in this article, the research method used is content analysis, utilizing primary materials from archival documents. Newspapers were also utilized in the analysis of this article. These primary sources are supplemented with secondary sources that provide a comprehensive analysis to address the questions raised in the article. In this regard, several books related to the history of Malaysia's formation are used. Findings from this study indicate that perceived assurances were sufficient for Sarawak's independence within the formation of Malaysia. This is the hope of leaders and people of Sarawak for joining in the formation of Malaysia.

Keywords: Sarawak; Temenggung Jugah; Tunku Abdul Rahman; Sarawak Alliance; Communist

Pengenalan

Cadangan Tunku Abdul Rahman untuk membentuk Malaysia memberi impak besar kepada sejarah Sarawak. Ini kerana pembentukan Malaysia bukan sahaja membawa pencantuman wilayah-wilayah seperti Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura tetapi memberi kemerdekaan kepada Sarawak termasuk Sabah. Walau bagaimanapun perjalanan untuk menjayakan rancangan ini agak berliku. Ini kerana idea ini mendapat reaksi yang negatif apabila timbul perasaan syak wasangka dan sangsi dalam kalangan pemimpin Sarawak. Namun perasaan ini cepat berubah apabila pemimpin Tanah Melayu memberi penerangan kepada pemimpin dan rakyat Sarawak. Walaupun perubahan ini tidak seratus peratus menyokong rancangan penubuhan Malaysia tetapi sebahagian besar pemimpin dan rakyat Sarawak mula menunjukkan sokongan penuh kepada cadangan pembentukan Malaysia. Pihak yang menyokong ini pula memberi beberapa cadangan untuk menjamin hak Sarawak terpelihara semasa menyertai pembentukan Malaysia. Bagi yang masih menentang pula mereka menggunakan alasan tersendiri untuk menolak penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia.

Oleh itu artikel ini akan menjelaskan mengapa wujudnya pemikiran negatif yang menolak cadangan pembentukan Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman dalam kalangan pemimpin-pemimpin Sarawak. Mengapakah pula begitu cepat pemimpin-pemimpin Sarawak menerima rancangan ini selepas diberi penerangan oleh Tunku Abdul Rahman?. Perubahan sikap pemimpin Sarawak ini berubah hanya beberapa bulan sahaja mereka menentang. Seterusnya pemimpin Sarawak yang menyokong ini mempunyai pelbagai harapan bukan sahaja menjayakan pembentukan Malaysia tetapi harapan masa depan Sarawak yang lebih baik selepas merdeka. Apakah harapan mereka apabila Sarawak menyertai pembentukan Malaysia ini?. Namun demikian tidak semua yang menyokong penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia. Hal ini juga akan diteliti untuk melihat mengapa hal ini masih wujud. Apakah sebab mereka masih menentang pembentukan Malaysia?. Dalam meneliti persoalan ini perlu dibicarakan dahulu tentang persoalan pertama tentang reaksi awal yang sangsi terhadap idea Tunku Abdul Rahman.

Reaksi Awal

Idea penyatuan wilayah jajahan British di Asia Tenggara bukan perkara baharu. Ia bermula sejak akhir abad ke-19. Idea ini berterusan sehingga tamat Perang Dunia Kedua. Ia hanya menjadi satu yang serius selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Tanah Melayu ketika itu, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan idea pembentukan Malaysia dalam Persidangan Persatuan Wartawan Asing di Singapura. Cadangan beliau ini adalah membentuk satu persekutuan besar dengan gabungan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura serta Brunei. Namun demikian idea ini mendapat reaksi negatif daripada pemimpin Sarawak ketika itu.¹ Tetapi reaksi pemimpin Sarawak ini agak lambat dan tidak semerta kepada pengumuman Tunku Abdul Rahman tersebut. Antara reaksi awal ini datang daripada Parti Negara Sarawak (PANAS) iaitu parti kedua yang ditubuhkan di Sarawak pada 9 April 1960. PANAS pada awalnya mahukan penyatuan antara Sarawak dengan Brunei dan Sabah dahulu sebelum memikirkan penyatuan lebih besar dengan Tanah Melayu.² Idea penyatuan wilayah-wilayah dikawal oleh British di Borneo telah disuarakan sejak tahun 1931. Idea ini dihidupkan semula oleh Gabenor Sarawak, Sir Charles Arden-Clarke pada tahun 1949.³

Bagi pemimpin Sarawak National Party (SNAP) yang ditubuhkan pada tahun April 1961 meragui mengenai tujuan sebenar cadangan tersebut. Setiausaha Agong SNAP, Stephen Kalong Ningkan menyatakan bahawa “[a]ny attempt to put Sarawak under the influence and subjection of any foreign power would be strongly opposed. We would remain in the British Commonwealth.”⁴ Kenyataan SNAP ini menunjukkan bahawa rancangan itu hanya menukar tuan sahaja dan Sarawak tetap dijajah oleh kuasa asing. Oleh itu mereka menentang sebarang usaha kuasa asing untuk menguasai Sarawak. Salah seorang pemimpin utama masyarakat Iban iaitu Temenggung Jugah dalam kenyataan tentang hal ini mempunyai pendapat lain tentang kemerdekaan Sarawak. Beliau berkata bahawa, “[O]nce Sarawak has achieved independent status, the Tengku’s idea of confederation of these territories is good and practical.”⁵ Kenyataan beliau ini menunjukkan bahawa beliau tidak bermasalah dengan pembentukan Malaysia jika Sarawak merdeka dahulu. Namun beliau menekankan soal merdeka ini perlu dilihat semula kerana kebanyakan penduduk Sarawak masih lagi buta huruf. Manakala yang boleh membaca pula hanyalah lulus sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Temenggung Jugah seterusnya menekankan perlunya penyatuan Sarawak dan Sabah dahulu sebelum penyatuan dengan Tanah Melayu dan Singapura.⁶ Kenyataan Temenggung Jugah ini mencerminkan bahawa idea penyatuan Borneo perlu diutamakan dahulu sebelum pergi lebih jauh untuk membincangkan soal pembentukan Malaysia. Sememangnya perbincangan tentang penyatuan wilayah-wilayah Borneo dibawah British masih berlebaran dan dibincangkan pada masa Tunku Abdul Rahman mengumumkan rancangan pembentukan Malaysia. Atas sebab itu idea Tunku Abdul Rahman ini tidak dipandang sebagai perkara pokok yang perlu dibincangkan oleh pemimpin-pemimpin Borneo.

Manakala ahli Majlis Tertinggi Sarawak iaitu Pengarah Montegrai juga agak sangsi akan cadangan untuk mewujudkan penyatuan Sarawak dalam pembentukan Malaysia. Dalam kenyataan beliau semasa membahas perkara tersebut dalam Council Negri menyatakan bahawa;

“. . . the feeling of the native of the Second Division concerning the idea of closer co-operation between Sarawak and Malaya as expressed by Tengku Abdul-Rahman. We think that it is not a bad idea. At this stage, however, we are not quite sure whether to accept the proposal or not. We have many reasons for being indecisive. Firstly, we are still very backward in the field of education compared with other races in Sarawak. This is especially so in the case of our people who are now living in the rural areas. Secondly, the relationship between the various race in Sarawak is not so harmonious as we have wished it to be. These are the reasons why we do not wish to accept the Tengku’s proposal now.”⁷

Walaupun Pengarah Montegrai melihat idea penubuhan Malaysia satu yang boleh diterima tetapi perkara perlu di Sarawak ialah usaha memperkasakan pendidikan orang Dayak dahulu. Ini kerana taraf pendidikan orang Dayak masih lagi tahap yang rendah. Kenyataan pertama beliau ini membawa kepada masalah pula kepada hubungan kaum yang tidak harmoni kerana perbezaan dalam aspek pendidikan dan kemajuan kaum masing-masing. Keadaan ini akan merugikan Sarawak kemudian jikalau Sarawak menerima cadangan Tunku Abdul Rahman tersebut.

Kenyataan beliau ini sama dengan seorang lagi ahli Council Negri yang membahaskan isu rancangan Malaysia pada Ogos 1961 iaitu Chieng Hie Kwong. Beliau menyatakan bahawa, “. . . in principle the plan is a good one because we believe “union is strength”, but there is nothing further to go on as the details have not been seen yet and furthermore we are politically backward compared with Malaya and Singapore.”⁸ Kenyataan dikeluarkan oleh Chieng Hie Kwong menampakkan keraguan kepada masalah Sarawak yang masih lagi ketinggalan daripada aspek politik jika dibandingkan dengan Tanah Melayu dan Singapura. Oleh itu perbezaan ini akan membawa masalah kepada Sarawak kemudiannya jikalau menerima rancangan Malaysia.

Sarawak United People’s Party (SUPP) menerusi Setiausaha Agongnya iaitu Stephen Yong menyatakan bahawa, mereka tidak membantah kerjasama dalam politik dan ekonomi tetapi sebelum bersatu dengan Tanah Melayu, Sarawak harus mencapai taraf bekerajaan sendiri dan kemerdekaan dahulu. Beliau menambah bahawa, “We should first work for closer association with North Borneo with the eventual aim of a federation of Borneo territories. . . Only then can we consider a federation with Malaya and others”. Kenyataan Stephen Yong ini menunjukkan rasa curiga tentang Malaysia kerana taraf wilayah hendak bergabung berbeza-beza dengan Tanah Melayu telah merdeka, Singapura separa merdeka dan Sarawak termasuk Sabah pula masih bertaraf tanah jajahan.⁹ Kenyataan Stephen Yong ini mengulangi kenyataan bersama SUPP bersama Pengerusi United National Kadazan Organization (UNKO) iaitu Donald Stephens dan pengerusi Parti Rakyat Brunei, A. M. Azahari yang meragui cadangan Tunku Abdul Rahman tersebut. Atas sebab itu ketiga-tiga pemimpin ini mengeluarkan kenyataan pada Julai 1961 bahawa rancangan Malaysia ini tidak diterima oleh rakyat Sabah, Sarawak dan Brunei.¹⁰

Manakala Pengerusi SUPP, Ong Kee Hui dalam kenyataan beliau dilihat amat berhati-hati dalam soal ini apabila beliau menyatakan rancangan ini tidak harus dijalankan secara terburu-buru kerana ia akan mengulang peristiwa penyerahan Sarawak kepada British oleh Raja Vyner Brooke pada tahun 1946. Peristiwa penyerahan ini membawa bantahan dan rasa kurang senang rakyat Sarawak kepada British. Oleh itu cadangan pembentukan Malaysia ini perlunya perancangan rapi dan pemahaman mendalam untuk menjayakannya. Ong Kee

Hui menambah bahawa mereka telah mempunyai perancangan untuk menyatukan wilayah di Borneo Utara.¹¹ Dengan kata lain beliau melihat bahawa biar rakyat Sarawak sendiri menentu masa depan mereka bukannya pihak lain.

Usaha Menjayakan

Sikap penentangan dan mencurigai tentang cadangan pembentukan Malaysia ini tidak mematah semangat Tunku Abdul Rahman. Beliau berusaha menjayakan idea pergabungan tersebut. Atas sebab itu Tunku Abdul Rahman melawat Brunei dan Sarawak, dan menjemput mereka datang ke Tanah Melayu untuk melihat sendiri kemajuan dicapai oleh Tanah Melayu selepas merdeka. Semasa di Sarawak Tunku Abdul Rahman telah memberi penerangan tentang kebaikan rancangan pembentukan Malaysia jika Sarawak menyertainya.

1. Bahawa ada-lah sukar bagi negeri2 Borneo menjadi negeri merdeka dengan sendiri-nya kalau negeri2 itu tidak ada sumber2 bagi mengongkos apa yang akan terlibat bila negeri2 itu merdeka dan untuk perkembangan2 negeri2 mereka.
2. Bahawa dengan memasuki menjadi sebagai negeri2 Malaya maka negeri2 itu ada-lah sama setaraf dengan negeri2 yang berkuasa sendiri.
3. Bahawa negeri2 tersebut itu juga akan menikmati hak2 dan faedah bersama seperti apa yang di-nimati oleh negeri2 yang lain dan wang ada-lah untuk perkembangan2 negeri2 itu sendiri.
4. Bahawa tidak ada perlu-nya bagi negeri2 Borneo membentuk satu persekutuan dan menchapai kemerdeka'an sabelom-nya negeri2 itu masok bersekutu dengan Malaya.¹²

Huraian yang dimaklumkan oleh Tunku Abdul Rahman ini membuka ruang kepada perbincangan tentang pembentukan Malaysia walaupun terdapat reaksi yang masih meragui. Hal ini datang daripada SUPP yang mengeluarkan kenyataannya pada 8 Julai 1961 dengan menyatakan bahawa rancangan itu hendaklah ditangguhkan dahulu selepas Sarawak mencapai kemerdekaan.¹³

Dasar penentangan SUPP ini terhadap rancangan Malaysia berterusan dalam kenyataan daripada Stephen Yong. Semasa berucap pada Oktober 1962 dalam perhimpunan di ibu pejabat SUPP di Kuching, beliau menyatakan bahawa Sarawak akan menjadi “*vassal of Malaya*” dan “melemahkan usaha menjadi Sarawak sebagai sebuah negara bangsa”.¹⁴ Kenyataan Stephen Yong ini menunjukkan berlaku rasa tidak pasti adakah taraf Sarawak ini akan berubah lebih baik atau tidak. Tersemat dalam jiwa mereka ini menunjukkan bahawa rancangan Malaysia masih lagi tidak jelas dan perlu diperkemaskan untuk menjaga hak Sarawak.

Kenyataan-kenyataan pemimpin SUPP ini walaupun negatif dan sangsi ke atas pembentukan Malaysia tetapi terdapat juga pemimpin Sarawak yang mula berubah dari sangsi kepada mula menerima untuk berbincang tentang pembentukan Malaysia. Pada Julai 1961 Penggerusi PANAS iaitu Abang Mutapha mengubah pendiriannya untuk menyokong Malaysia tanpa gabungan dengan Brunei dan Sabah.¹⁵ Beliau menyatakan penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia membawa lebih keuntungan daripada bersatu bersama Sabah dan Brunei. Beliau awalnya tidak bersetuju dengan cadangan ini tetapi telah menyokong rancangan ini apabila bertemu dengan Tunku Abdul Rahman dengan jaminan bahawa Sarawak tidak akan menjadi koloni Tanah Melayu dan Sarawak akan mengekalkan status autonominya.¹⁶ Dalam hal ini Abang Mustapha telah diyakini oleh Tunku Abdul

Rahman bahawa Sarawak tidak akan menjadi jajahan bagi Tanah Melayu apabila gabungan itu diwujudkan. Dengan jaminan ini Abang Mustapha menyatakan semasa pembukaan Cawangan PANAS di Tebekang bahawa,

Sarawak akan memelihara taraf kemerdeka'annya yang penoh. Parti ini berpendapat bahawa Sarawak akan menjadi rugi jikalau berchantum sebagai sabuah pergabongan salepas bersatu dengan dua buah negeri Borneo yang lain itu sebagai kesatuan yang bersendirian. Maka ada-lah di-fikirkan bahawa Sarawak akan paling beruntung jika ia berchantum dengan Malaya sebagai sabuah negeri yang ujud dengan chorak politik-nya sendiri, dan Sarawak tidak akan terluchut kuasa autonomy-nya dan hak2-nya sebagai sabuah negara merdeka dalam lengkongan sabuah persekutuan.¹⁷

Tunku Abdul Rahman juga menerangkan kepada Abang Mustapha bahawa Tanah Melayu telah mencapai banyak kemajuan selepas merdeka. Oleh itu Abang Mustapha melihat rancangan ini boleh memajukan Sarawak yang masih ketinggalan ketika itu. Satu kenyataan dikeluarkan oleh beliau dalam menjawab hal ini seperti berikut:

Chontoh2 yang Tengku telah terangkan kapada saya berkenaan dengan langkah2 besar dalam perkembangan Malaya semenjak ia menchapai kemerdeka'an tiga tahun telah pun menimbulkan satu keazaman yang penoh untuk merebut peluang bagi mengadakan satu perchantoman.¹⁸

Kenyataan ini disusuli pula dengan kenyataan beliau tentang perlunya kemerdekaan yang hendak dicapai dilakukan secara teratur dan menguntungkan rakyat.

Oleh kerana negeri2 ini telah berada di-bawah pentadbiran British selama lebih dari satu kurun maka-nyata-lah keraja'an British tidak akan menyerah kuasa kepada ra'ayat kalau ia membawa akibat yang membinasakan, tetapi ia akan memelihara keadilan dan kehormatan British kalau ia menjamin negeri2 ini tidak menjadi mangsa kuasa2 luar. Yang demikian ada-lah difikirkan perlu bahawa Sarawak patut berchantum dengan Persekutuan Tanah Melayu seperti yang di-chadangkan oleh Tengku itu.¹⁹

Kenyataan ini menunjukkan bahawa Abang Mustapha mahukan satu peralihan status secara aman dan damai. Oleh itu beliau percaya bahawa kerajaan British mempunyai tanggungjawab besar untuk menjaga kepentingan Sarawak agar masa depannya terjamin dan dipelihara. Hal ini dikaitkan dengan peranan British yang penting dalam membantu Sarawak menyertai pembentukan Malaysia.

Keyakinan Abang Mustapha tentang Malaysia ini ditambah dengan kepercayaan bahawa Tanah Melayu dapat membantu kemajuan Sarawak. Hal ini berdasarkan pemerhatian beliau semasa melakukan lawatan ke Tanah Melayu. Beliau melahirkan rasa sukacita menerima pembentukan ini dengan kata-kata berikut “[k]emudahan2 yang lebeh luas akan di-rasakan oleh Sarawak dan Sabah kalau kedua-dua negara itu mengadakan ikatan yang lebeh rapat dalam bentuk perchantuman dengan Malaya dan dengan jalan itu menchapai kemerdekaan tanah ayer kita.”²⁰ Kekaguman beliau tentang kemajuan Tanah Melayu ini menambat hati beliau bahawa Sarawak akan mendapat limpahan kemajuan seperti yang berlaku di Tanah

Melayu jikalau Sarawak menyokong pembentukan Malaysia.

Selain Abang Mustapha seorang lagi pemimpin Sarawak yang diberi peluang melawat Tanah Melayu iaitu Ainie Bin Dhobie juga sependapat dengan Abang Mustapha. Beliau yang juga ahli Council Negri telah melawat Tanah Melayu pada 27 Julai 1961 dan berasa kagum dengan apa yang berlaku dalam pembangunan Tanah Melayu selepas merdeka. Beliau percaya bahawa rancangan Malaysia yang diutarakan oleh Perdana Menteri Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman sebagai rancangan yang baik dan akan memberi kebajikan dan kesejahteraan kepada Asia Tenggara. Beliau juga mengalu-alukan penubuhan *Malaysia Solidarity Consultative Committee* (MSCC). Beliau juga berharap agar jawatankuasa ini akan membantu dalam meneliti masalah-masalah yang akan timbul daripada rancangan penubuhan Malaysia ini. Beliau menambah bahawa, “[n]amun demikian, saya yakin satu2nya jalan yang tegas akan di-temui tidak lama lagi untuk mempererat perhubungan negara2 Malaysia, dan manakala perhubungan ini di-pererat, kokoh-lah lagi perpaduan antara sa-sama kita.”²¹ Berdasarkan pernyataan ini beliau amat yakin bahawa mekanisme untuk mewujudkan MSCC ini mampu untuk menghasilkan persetujuan awal yang akan menjayakan pembentukan Malaysia. Dengan kata lain penubuhan MSCC menampakkan bahawa buah fikiran penduduk Sarawak itu diambil kira dalam menentukan masa depan mereka sendiri.

Pertambahan Sokongan

Merujuk kepada MSCC, badan ini ditubuhkan sebagai badan yang memberi pencerahan kepada pemimpin Sarawak termasuk Sabah dan Brunei tentang cadangan pembentukan Malaysia. MSCC merupakan badan penting dalam membantu menyakinkan pemimpin Sarawak (dan Sabah) tentang rancangan penubuhan Malaysia. Ini kerana MSCC memberi peluang kepada wakil Tanah Melayu untuk menjawab persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh wakil Sarawak dan Sabah. MSCC diadakan sebanyak empat kali iaitu di Jesselton (21 Ogos 1961), Kuching (18-20 Disember 1961), Kuala Lumpur (6-8 Januari 1962) dan Singapura (1-3 Februari 1962).

Namun demikian peringkat awal persidangan MSCC di Jesselton masih menunjukkan keraguan tentang wilayah menyertai Malaysia akan menjadi koloni kepada Tanah Melayu. Keadaan ini mula berubah apabila MSCC diadakan di Kuching pada Disember 1961. Mereka mengulangi untuk menerima dan menyokong pembentukan Malaysia. Dalam persidangan ini dinyatakan beberapa perkara tentang penyertaan dalam parlimen, migrasi ke Borneo, perkhidmatan awam, kebebasan beragama dan bahasa rasmi. Sehubungan dengan itu pemimpin Sarawak bersama-sama dengan Sabah menekan perlunya penjelasan lebih mendalam sebelum rakyat kedua-dua negeri ini menerima idea pembentukan Malaysia. Atas sebab itu banyak soalan telah diajukan oleh perwakilan Sarawak dan Sabah dalam mesyuarat tersebut.

Dalam soal penyertaan perwakilan Sarawak dan Sabah dalam parlimen, wakil-wakil dari Tanah Melayu menegaskan bahawa walaupun penduduk kedua-dua negeri ini tidak ramai tetapi perwakilan daripada Tanah Melayu menjamin agar perwakilan dari kedua-dua wilayah ini akan mendapat jumlah yang saksama.²² Hal-hal ini membawa kepada sikap lebih yakin dalam kalangan pemimpin Sarawak bahawa hak mereka akan terjamin.²³ Pada akhir masyuarat itu Ketua Perwakilan Tanah Melayu iaitu Dato Ong Yoke Lin berkata; “[i]t has been a most useful meeting, and we have been able to clear up a great deal of the fears and misunderstandings, and other points, through a free and frank exchange of views. I think I can really say that we have made a great stride towards the realization of Malaysia.”²⁴

MSCC ini juga menambah sokongan pemimpin Sarawak untuk menyokong pembentukan Malaysia. Dalam hal ini Temenggung Jugah yang sebelum penubuhan MSCC tidak setuju dengan rancangan Malaysia, dan beliau sendiri telah memaklumkan perkara ini kepada Tunku Abdul Rahman di Sarawak. Pandangan Temenggung Jugah mula berubah pada awal tahun 1962. Beliau mula menunjukkan sokongan kepada pembentukan Malaysia apabila menyertai MSCC. Sehubungan dengan itu Temenggung Jugah berpuas hati penerangan dalam MSCC tersebut dan menyatakan bahawa penyatuan Sarawak bersama-sama Tanah Melayu, Sabah, Brunei dan Singapura akan menjadikan mereka kuat dan dapat memajukan ekonomi mereka.²⁵ Ini merupakan harapan besar Temenggung Jugah bahawa kepentingan Sarawak perlu dijaga. Manakala Sarawak juga tidak boleh berdiri sendirian dalam hal kemerdekaan, dan perlunya satu gabungan besar yang dapat mempertahankan kedaulatannya.

Seorang lagi pemimpin Sarawak iaitu Stephen Kalong Ningkan masih meragui tujuan sebenar penubuhan Malaysia. Beliau berkata bahawa satu pungutan suara perlu diadakan untuk menentukan rancangan Malaysia kerana tiada parti politik yang mendapat mandat rakyat. Parti beliau iaitu SNAP mahu mengkaji dahulu soal bekerajaan sendiri sebelum membincangkan tentang rancangan Malaysia. Beliau masih kurang jelas tentang perlembagaan dan rancangan Malaysia tersebut. Namun beliau menambah bahawa parti beliau masih terbuka untuk berunding tentang rancangan Malaysia.²⁶

Apabila penerangan tentang Malaysia dijelaskan dengan baik menerusi MSCC, Stephen Kalong Ningkan mula mengubah pendirian partinya kepada menyokong. Dalam hal ini beliau berkata bahawa, “*Our party, which once opposed Malaysia, now realizes the good that Malaysia can bring to us*”. Beliau mengakui bahawa “*We fully appreciate that a small country like Sarawak, with a population of 800,000 cannot stand alone . . . It must associate with neighbouring territories like North Borneo, Brunei, Singapore and Malaya*”²⁷. Hal ini ditambah dengan kebimbangan beliau tentang keselamatan Sarawak. Dalam soal keselamatan ini beliau berkata, “[w]e realise that the Communist threat is a great danger to the country. We feel that Sarawak should join the Federation of Malaysia to protect itself from being dominated by the Communist”²⁸. Komunis merupakan ancaman yang serius di Asia Tenggara ketika itu. Ini kerana perjuangan komunis telah meresap di beberapa negara di Asia Tenggara. Sarawak juga tidak terkecuali dalam hal ini kerana masalah komunis menerusi pertubuhan yang dikenali sebagai Clandestine Communist Organisation (CCO) mula menampakkan keaktifan mereka untuk mengugat kestabilan dan keamanan Sarawak.²⁹ Walaupun ketika itu komunis belum lagi mengangkat senjata untuk melawan British di Sarawak tetapi komunis telah melancarkan perperangan di Tanah Melayu dan menjalankan kegiatan subversif di Singapura.

Sokongan kepada penubuhan Malaysia juga datang daripada bekas pemimpin SUPP dan ahli Council Negri, Chen Ko Men. Beliau berkata bahawa, “*the plan is a way for people of Sarawak to achieve independence . . . If we merge, not only do we attain independence outright but we can share in the peace and prosperity of Malaya*”³⁰. Beliau tidak bersetuju dengan pendirian SUPP yang tidak menyokong pembentukan Malaysia. Bagi beliau Malaysia satu alternatif terbaik bagi keamanan bagi Sarawak selepas merdeka. Keamanan ini pula membawa kemajuan ekonomi Sarawak yang melahirkan kemakmuran untuk masa depan Sarawak.

Pada masa yang sama Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA) yang baru sahaja ditubuhkan pada akhir tahun 1961 telah menghantar satu kenyataan untuk memberi sokongan kepada rancangan Malaysia. Dokumen menyokong rancangan Malaysia ini disertakan dengan perlindungan hak-hak Sarawak.³¹ Terdahulu dari itu Pengerusi BARJASA

iaitu Dato Tuanku Haji Bujang menyatakan pembentukan Malaysia yang membawa kepada kemerdekaan negeri-negeri Borneo akan dapat mengatasi masalah komunis yang mula bertapak di Sarawak.³² BARJASA dalam hal ini menunjukkan bahawa apa yang perlu bagi Sarawak apabila menyertai pembentukan Malaysia adalah jaminan-jaminan hak negeri yang akan memberi kedaulatan Sarawak selepas pembentukan Malaysia. Ini kerana BARJASA tidak mahu Sarawak akan lebih tertinggal dalam pembangunan dengan Tanah Melayu dan Singapura. Masalah keselamatan juga satu isu yang perlu diatasi oleh Sarawak dan ia mampu diselesaikan jikalau Sarawak merdeka dalam pembentukan Malaysia.

Seorang lagi pemimpin SUPP iaitu Penghulu Entai yang melawat Kota Tinggi, Johor merasa kagum akan pembangunan di wilayah yang beliau lawati. Dalam hal ini beliau berkata bahawa, “*We know that such speedy development can come to Sarawak too, as a result of Malaysia and hence we should all support it*”.³³ Setiausaha Agong Persatuan Kebajikan Islam Sarawak, Attaellah Zainuddin yang melawat Tanah Melayu juga berpuas hati dengan pembangunan di Tanah Melayu. Beliau percaya bahawa rakyat Sarawak akan menyokong penuh rancangan Malaysia.³⁴ Kedua-dua pemimpin ini melihat aspek pembangunan penting untuk Sarawak. Mereka percaya bahawa pembangunan yang sama akan berlaku juga di Sarawak jikalau Malaysia dibentuk. Apa yang perlu bagi Sarawak menurut mereka ialah memberi sokongan kepada pembentukan Malaysia.

British juga memberi penerangan kepada penduduk Sarawak di beberapa daerah tentang kebaikan Malaysia. Di Simanggang misalnya usaha ini dilakukan dari Januari hingga Februari 1962 bagi memaklumkan kepada penduduk Melayu, Dayak dan Cina tentang hal ini. Harapan mereka agar penduduk ini faham dan memberi sokongan kepada pembentukan Malaysia.³⁵ Bagi keseluruhan Bahagian Kedua kempen penerangan tentang rancangan Malaysia berhadapan dengan cabaran kekurangan kakitangan untuk melakukan tugas tersebut. Namun mereka berjaya menghasilkan laporan pada tahun 1962 dengan menyatakan bahawa,

*There was initially some opposition to the Malaysia proposals, mainly owing to ignorance of its implications, but it was eventually accepted in principle, by all except those sympathetic to communism, subject to numerous conditions considered necessary to safeguard the interests of the various communities.*³⁶

Laporan ini menunjukkan bahawa masih ada rakyat Sarawak tidak faham akan pembentukan Malaysia dan mengambil sikap tidak menyokong. Hal ini berlaku kerana mereka masih lagi tidak diberi penjelasan dengan baik. Pendekatan British dalam hal ini memberi maklumat yang penting kepada mereka tentang Malaysia. Hal ini penting kerana jikalau tidak bertindak cepat maka pihak komunis mampu untuk mempengaruhi penduduk Sarawak untuk menolak rancangan Malaysia.

Sehubungan dengan itu penerimaan pemimpin dan rakyat Sarawak terhadap Malaysia menurut seorang pemimpin dari Limbang, Sarawak iaitu James Wong kerana beberapa sebab berikut:

1. Ketiadaan pakar, pengalaman dan kematangan dalam mentadbir Kerajaan jikalau Merdeka bersendirian.
2. Kekurangan sumber kewangan.
3. Ancaman komunis
4. Ancaman daripada Indonesia

5. Berasa yakin dengan Singapura, Tanah Melayu dan Sabah yang mempunyai sistem perundangan dan Kerajaan yang sama serta penggunaan bahasa Inggeris yang menunjukkan persamaan yang nyata.³⁷

Kenyataan James Wong ini boleh dirumuskan bahawa kelebihan menerima pembentukan Malaysia akan membantu pelbagai perkara yang amat perlu bagi Sarawak untuk merdeka. Malahan aspek keselamatan juga akan terjamin jikalau menerima pembentukan Malaysia. Tambahan daripada itu gabungan dengan Singapura, Tanah Melayu dan Sabah bukan satu asing bagi Sarawak kerana apa yang ada dalam sistem perundangan dan bentuk kerajaannya tidak banyak perbezaannya.

Atas perubahan ini maka salah seorang Kounsular Majlis Daerah Bandaran Sibu iaitu Chieng Hie Kwong dalam mesyuarat majlis tersebut pada 29 Ogos 1962 menyatakan bahawa rancangan Malaysia akan dibentuk sama ada masa terdekat atau masa yang panjang. Oleh itu beliau berkata bahawa kepentingan penduduk yang beliau wakilkan harus dijaga.³⁸ Gambaran ini menunjukkan bahawa rancangan Malaysia satu yang pasti akan berlaku. Apa yang penting adalah untuk menyuarakan beberapa hak-hak negeri dan kaum perlu dinyatakan agar kedaulatan Sarawak dan kehidupan rakyat Sarawak terjamin selepas pembentukan Malaysia.

Menyokong dan Menolak

Sehubungan dengan hal ini maka pihak British bersama-sama dengan kerajaan di Tanah Melayu bersetuju untuk menubuh sebuah suruhanjaya yang dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbbold. Suruhanjaya ini bertindak untuk mendapat pandangan tentang pendapat rakyat Sarawak (termasuk Sabah) tentang Malaysia. Suruhanjaya tersebut menjalankan tugas mereka pada awal tahun 1962 dan mengeluarkan laporan tentang tinjauan mereka pada pertengahan tahun 1962. Dapatan daripada laporan ini kemudiannya akan digunakan bagi meneliti tuntutan hak-hak Sarawak yang menyertai pembentukan Malaysia.³⁹ Hal mengenai hak-hak Sarawak ini banyak disuarakan oleh rakyat Sarawak semasa tinjauan suruhanjaya tersebut. Salah satu contohnya datang dari surat Anjang ak. Soh yang menyatakan bahawa;

I am pleased to tell you that we are in favour of Malaysia. If we merge with Malaysia, the Dayak people should be given every assistance. We want our Customary Laws to be preserved. If we join Malaysia, we expect to become prominent men. These are things we want to ascertain, then we will be satisfied.⁴⁰

Surat ini jelas menunjukkan ada perkara perlu diselesaikan iaitu soal masalah orang Dayak yang ketinggakan jikalau Malaysia dibentuk kelak. Walaupun pendapat beliau ini lebih kepada soal kaum tetapi jelas menunjukkan bahawa beliau menyokong dengan syarat bahawa hak-hak kaum mereka perlu dipelihara.

Salah satu surat sokongan kepada penubuhan Malaysia ini datang daripada kaum Ibu di Kampung Gita dan Matang Road, Kuching. Mereka menyatakan bahawa,

Dengan ini kami sekalian MENYATAKAN yang kami adalah MENYOKONG PENOH akan Konsep atau Rancangan Malaysia, serta pula BERSETUJU SAPENOH@ NYA diatas PERCHANTUMAN negeri kami Sarawak ka-dalam Persekutuan MALAYSIA itu, tetapi syurgia kami nyata-kan bahwa kami juga memohon supaya kami juga diberi JAMINAN berkenaan kehandak2 kami yang di-bawah:-

1. Hak2 dan Taraf atau Kedudukan Istimewa hendak-lah di-bagikan kepada kaum2 Bumiputera Sarawak sama seperti yang di-bagi kan kapada orang2 Melayu dalam Persekutuan Tanah Melayu;
2. Perkhidmatan2 awam hendaklah di-utama-kan kapada anak2 Bumiputera khas-nya dan raayat Sarawak ‘am-nya;
3. Soal2 kemasokan (migration) oleh orang2 luar ka-negeri ini sama ada dari negeri2 luar atau pun dari negeri2 yang berchantum dalam Malaysia, hendak-lah di-kuasai dan ditadbiri oleh Kerajaan Negeri ini atau State Government;
4. Hak2 keturunan Bumiputera saperti Tanah2 Pesaka, Tanah Ladang Padi, Adat2 Resam satu2 kaum bumiputera, dan sebagai-nya hendaklah di-hormati, di-pelihara dan di-pertahan-kan;
5. Hak2 dan kepentingan2 sah bagi Raakyat Sarawak yang bukan dari keturunan Bumiputera hendaklah juga di-hormati dan dikawal.⁴¹

Kenyataan dikeluarkan oleh Kaum Ibu ini lebih menyeluruh tentang tuntutan hak negeri Sarawak dan perlindungan kepada kaum-kaum di Sarawak. Apa yang jelas dituntut mereka ialah melindungi dan menjamin kepentingan rakyat Sarawak.

Bagi yang tidak menyokong pembentukan Malaysia, mereka mempunyai pelbagai sebab. Antaranya datang daripada Dayak Salako yang bermesyuarat pada 12 Februari 1962 menyatakan bahawa mereka mengambil keputusan berikut:

1. *The Committee do not support Malaysia as they they do not wish Sarawak to be called by other name;*
2. *The Committee wishes Sarawak to remain a British colony for we have been well acquainted with a colony which is like our father. Sarawak must remain as Sarawak and Malaya as Malaya;*
3. *The meeting was supported by O.K.P. Tagas at Kampung Sbiris, Lundu, Sarawak and was attended by the following members of the committee.*⁴²

Keputusan yang diambil oleh Dayak Salako ini menunjukkan mereka masih belum faham apa sebenarnya pergabungan dengan Malaysia. Rasa curiga dan bimbang jelas dilihat kepada perkara dua yang mana mereka rela bernaung dengan British daripada bersatu dalam pembentukan Malaysia.

Salah seorang lagi yang menentang pembentukan Malaysia ialah Kapitan Cina dari Engkilili iaitu Tok Sia Huan. Beliau juga pengurus bagi Persatuan Teochew yang risau akan kehilangan keistimewaan yang dinikmati oleh mereka semasa pemerintahan British.⁴³ Manakala masyarakat Cina di Limbang berpecah pada menentang dan sedikit sahaja yang menyokong.⁴⁴ Suara-suara yang menentang Malaysia ini menurut Suruhanjaya tersebut bukan satu suara terbesar. Ini kerana dalam laporan suruhanjaya tersebut di Sarawak dan Sabah menyatakan bahawa 1/3 menyokong Malaysia dengan syarat dan 1/3 pula menyokong

Malaysia tanpa syarat. Dua jumlah ini menunjukkan sudah ada 2/3 sokongan kepada penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia. Hanya 1/3 sahaja yang tidak menyokong pembentukan Malaysia. Dapatan ini membuatkan usaha seterus dilakukan untuk meneliti tuntutan ini menerusi penubuhan Jawatankuasa Antara Kerajaan.

Tuntutan Pungutan Suara

Walaupun terdapat perubahan ketara dalam sokongan kepada penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia namun pihak yang menentang cadangan ini mengemukakan beberapa alasan untuk menjustifikasi penentangan pembentukan Malaysia tersebut. Mereka ini telah meminta agar diadakan pungutan suara bagi menentukan penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia. Usaha ini berterusan walaupun perjanjian Malaysia telah ditandatangani pada 9 Julai 1963. Hal ini menunjukkan bahawa rasa kurang senang ini masih lagi membenggu beberapa orang pemimpin Sarawak. Mereka tidak melihat Suruhanjaya Cobbold yang ditubuh untuk meninjau pendapat rakyat Sarawak sebagai cukup untuk mendapat sokongan penduduk Sarawak. Beberapa kenyataan telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin ini yang mahu agar pungutan suara harus diadakan.

Pada akhir bulan Ogos 1963 Khoo Peng Loong iaitu pengurus Majlis Daerah Bandaran Sibu mewakili ahli SUPP dalam Majlis Bandaran dan Majlis Luar Bandar Sibu menghantar memorandum kepada delegasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk diadakan pungutan suara bagi menentukan sokongan kepada rancangan Malaysia. Beliau menyatakan bahawa insiden di sempadan (konfrantasi) dan perasaan ketidak pastian adalah kerana rancangan Malaysia dipaksa kepada mereka. Kenyataan beliau ini dikaitkan konfrantasi yang digerakkan oleh Indonesia pada tahun 1963. Dalam hal ini beliau menambah bahawa pilihan raya lepas di Sibu menunjukkan bahawa semua calon *Sarawak Chinese Association* (SCA) yang pro-Malaysia telah tewas termasuk pengerusinya iaitu Ling Beng Siew.⁴⁵ Majlis Daerah Bandaran Sibu juga membawa usul untuk membantah pembentukan Malaysia pada 19 Ogos 1963. Dalam undian dibuat menampakkan bahawa usul menentang pembentukan Malaysia mendapat sokongan dan hanya dua ahli Perikatan Sarawak⁴⁶ menentang dan majoriti ahli menyokong.⁴⁷

Usaha tidak menyokong penyertaan Sarawak dalam Malaysia muncul juga di Miri. Majlis Daerah Miri yang dikuasai oleh SUPP berjaya meluluskan resolusi tiga perkara iaitu:

1. Tidak mengiktiraf penandatangani Perjanjian Malaysia di London oleh empat wakil Sarawak kerana mereka percaya pungutan suara mesti diadakan sebelum hujung bulan untuk melihat sama ada rakyat Sarawak menyokong atau tidak penyertaan Sarawak dalam penubuhan Malaysia.
2. Meminta agar semua tahanan politik diadili oleh mahkamah terbuka dan jikalau tidak bersalah maka mereka harus dibebaskan.
3. Semua senapang patah yang diserahkan kepada Kerajaan oleh orang Cina harus dikembalikan secepat mungkin.⁴⁸

Resolusi ini dibantah oleh ahli-ahli Perikatan Sarawak dalam majlis tersebut tetapi mereka gagal menyekat resolusi ini untuk disahkan kerana keanggotaan mereka hanya enam orang berbanding ahli-ahli SUPP berjumlah 10 orang. Manakala ahli PANAS pula berjumlah dua orang dan seorang ahli bebas.⁴⁹ Dua majlis bandaran ini menunjukkan usaha membantah pembentukan Malaysia berterusan walaupun sebahagian besar pemimpin dan penduduk

Sarawak menunjukkan sokongan kepada pembentukan tersebut.

Salah seorang pemimpin Perikatan Sarawak iaitu Francis Louis Baring pula mengingatkan bahawa Sarawak tidak boleh merdeka sendirian di Asia Tenggara. Ini kerana beliau menyatakan bahawa kedudukan ini akan membawa kepada perumpamaan sebagai “*a lamb standing in the midst of hungry wolves.*”⁵⁰ Bagi beliau hanya satu harapan untuk merdeka iaitu melalui pembentukan Malaysia. Tanah Melayu pada pendapat beliau adalah negara demokrasi dan bukannya demokrasi terpimpin yang “*put guns before butter*”.⁵¹ Kenyataan Francis Louis Baring ini sebenarnya memberi amaran bahawa Sarawak akan diancam oleh Indonesia jika merdeka sendirian. Ini kerana Indonesia telah menunjukkan sikap penentangan terhadap Malaysia. Indonesia juga telah melakukan konfrantasi pada tahun 1963. Sarawak menjadi medan pertempuran Indonesia apabila sempadan Sarawak diceroboh sebelum Malaysia dibentuk lagi.⁵² Pencerobohan pertama oleh tentera Indonesia yang memakai pakaian Tentera Nasional Kalimantan Utara (TNKU) di Tebedu pada 12 April 1963 memulakan ketegangan sempadan antara Indonesia dan Sarawak.⁵³ Hal ini menunjukkan bahawa Sarawak dalam kedudukan yang bahaya akibat ancaman Indonesia yang mengisyiharkan konfrantasi dengan slogan “Ganyang Malaysia”. Pihak Indonesia telah memberi sokongan kepada pihak komunis dan TNKU untuk melancarkan gerakan bersenjata bagi mengagalkan rancangan Malaysia.

Dalam masa yang sama Perikatan Sarawak dari Bahagian Sibu menghantar memorandum dengan kenyataan bahawa mereka mahu Malaysia dibentuk sesegera mungkin maka Sarawak tidak akan lagi ditekan oleh Indonesia atau dari pertubuhan komunis yang muncul di Sarawak.⁵⁴ Memorandum tersebut ditandatangi oleh Pengurus Jawatankuasa Eksekutif Perikatan Sarawak, Bangau Anak Renang, naib pengurus Perikatan Cawangan Bahagian Ketiga, Dato Tuanku Haji Bujang juga naib pengurus dan Ting Tung Ming setiausaha cawangan. Dalam hal ini Perikatan Sarawak menyatakan majoriti penduduk di Bahagian Ketiga mahukan Malaysia ditubuhkan kerana dari 148 Kounsular daerah seramai 85 adalah dari Perikatan Sarawak, seorang PANAS, 14 bebas dan 48 adalah SUPP.⁵⁵

Sokongan berterusan kepada rancangan Malaysia disuarakan juga oleh Temenggung Jugah semasa lawatan penyiasat PBB di Kanowit.⁵⁶ Temenggung Jugah menyatakan bahawa Sarawak tidak boleh merdeka bersendirian. Beliau menyokong sistem demokrasi berpalimen di Tanah Melayu yang akan dapat memberi ruang juga kepada pewakilan Sarawak dalam parlimen tersebut. Beliau menambah bahawa, “[w]e want to rid ourselves of colonialism. We want peace, and we want a better life for our people. We believe that the best way to achieve this is through Malaysia”.⁵⁷ Kenyataan Temenggung Jugah ini mencerminkan bahawa Malaysia sebagai satu-satu masa depan Sarawak yang akan memberi pembangunan, keamanan dan kedaulatan kepada Sarawak.

Kesimpulan

Cadangan penubuhan Malaysia membawa pelbagai reaksi dari kalangan pemimpin dan penduduk Sarawak. Pada awalnya rancangan ini dilihat sebagai konsep penjajahan dan pada masa yang sama Sarawak mempunyai perancangan lain untuk kemerdekaan iaitu cadangan untuk menggabungkan negeri jajahan British di Borneo ke dalam Persekutuan Borneo. Kekhuatiran pemimpin Sarawak ini berpuncanya daripada ketidak jelasan mengenai cadangan penggabungan ini membawa kebaikan atau tidak. Ada sesetengah pemimpin Sarawak membuat spekulasi bahawa rancangan Malaysia satu bentuk penjajahan. Atas sebab itu Tunku Abdul Rahman datang ke Sarawak bagi memberi penjelasan tentang rancangan

Malaysia. Apabila isu hak Sarawak dijaga dan dijamin oleh Tunku Abdul Rahman maka pemimpin Sarawak mula menunjuk sokongan secara berperingkat. Mereka juga tertarik dengan pembangunan Tanah Melayu selepas merdeka, dan harapan besar mereka adalah membangun bersama-sama Tanah Melayu.

Penubuhan MSCC dan sokongan British terhadap rancangan Tunku Abdul Rahman ini memberi kesan besar kepada perubahan sikap pemimpin Sarawak. Dari situ mereka melakukan usaha untuk mencari alternatif terbaik untuk Sarawak untuk mencapai kemerdekaan. Oleh itu mereka mula menyenaraikan beberapa kepentingan mereka perlu dijamin dan dipelihara. Jaminan ini menjadi tuntutan-tuntutan yang dibawa dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan. Laporan jawatankuasa ini akhirnya melahirkan Perjanjian Malaysia yang ditandatangi pada 9 Julai 1963. Selain itu kerisauan mereka kepada keselamatan Sarawak daripada ancaman komunis dan Indonesia menyedarkan mereka bahawa Sarawak tidak akan terjamin kedaulatannya jika merdeka sendirian. Ancaman keselamatan ini memang satu yang serius dan akan memudaratkan Sarawak. Walaupun majoriti rakyat Sarawak menyokong penyertaan Sarawak dalam pembentukan Malaysia tetapi masih ada lagi yang tidak berpuas hati dengan melakukan pelbagai usaha menerusi undang-undang dan ada juga kekerasan yang dilakukan oleh CCO untuk mengagalkan rancangan Malaysia. Manakala bantahan ini tidak kuat untuk mengugat usaha pembentukan Malaysia tetapi selama kira-kira tiga tahun pihak Indonesia dan CCO cuba mengagalkan kekentalan dan perpaduan Malaysia. Penyingkiran Singapura juga satu cabaran besar kepada Malaysia. Namun peristiwa itu tidak menggugat keutuhan Malaysia sehingga sekarang.

Sejarah pembentukan Malaysia ini menunjukkan bahawa pemimpin dan rakyat Sarawak inginkan kemajuan dan pembangunan. Dalam hal ini mereka mahu juga hak-hak mereka dijaga dalam Perjanjian Malaysia. Hal ini merupakan perkara pokok yang mengikat keutuhan Malaysia sehingga ke hari ini. Namun rasa kurang senang sejak kebelakangan ini di Sarawak menunjukkan bahawa harapan pemimpin terdahulu masih lagi belum tercapai. Oleh itu perjuangan untuk merealisasi Perjanjian Malaysia diteruskan oleh kerajaan Sarawak. Ini kerana pemimpin-pemimpin Sarawak hari ini merasakan bahawa mereka masih lagi belum melihat hasil yang cukup untuk memenuhi impian dan harapan yang diutarakan semasa pembentukan Malaysia. Kerajaan Sarawak terus meminta agar Perjanjian Malaysia diluruskan agar buah kemerdekaan yang diharapkan akan dicapai dan dinikmati oleh anak-anak Sarawak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana telah memberikan sejumlah dana untuk menjalankan kajian sejarah pembentukan Malaysia dan Perjanjian Malaysia 1963 di bawah geran FRGS/1/2022/SSI08/UKM/02/1 yang bertajuk “Membangunkan Pelan Pengukuhan Integrasi Nasional Menerusi Perjanjian Malaysia 1963”.

Nota

¹ Suffian Mansor, "Kemunculan dan Peranan Parti Negara Sarawak (PANAS) dalam Politik Sarawak Menjelang Pembentukan Malaysia (1960 – 1963), "Akademika, 91(3), 2021, hlm.123.

² *The Straits Times*, 2 June 1961, hlm.1.

³ Vernon L. Porritt, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Oxford: Oxford University Press, 1997, hlm.58.

⁴ *The Straits Times*, 6 July 1961, hlm.1.

⁵ *The Straits Times*, 11 July 1961, hlm.1.

⁶ Ibid.

⁷ *Council Negri Debates, Official Report, Third Meeting of the Third Council Negri Kuching, 7th, 8th, 9th August 1961*, hlm.72-73.

⁸ Ibid., hlm.73-74.

⁹ *The Straits Times*, 2 June 1961, hlm.1.

¹⁰ *The Straits Times*, 10 July 1961, hlm.1.

¹¹ *The Straits Budget*, 30 August 1961, hlm.2.

¹² *Sarawak Dalam Sa-Minggu*, 12 July hingga 18 July, 1961 No.28/61.

¹³ Ibid.

¹⁴ *The Straits Times*, 10 October 1961, hlm.7.

¹⁵ Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak: The Search for Unity and Political Ascendancy*, Singapore: Oxford University Press, 1985, hlm.87.

¹⁶ *The Straits Times*, 14 July 1961, hlm.16.

¹⁷ *Sarawak Dalam Sa-Minggu*, 12 July hingga 18 July, 1961 No.28/61.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.

²⁰ *Berita Harian*, 24 August 1961, hlm.2.

²¹ *Berita Harian*, 2 August 1961, hlm.2.

²² *Berita Harian*, 21 December 1961, hlm.1.

²³ James P. Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963*, Singapore: Donald Moore Press Ltd., 1967, hlm.36, 52 dan 53.

²⁴ *Sarawak Gazette*, 1 January 1962, hlm.14.

²⁵ *The Straits Times*, 14 February 1962, hlm.4.

²⁶ *The Singapore Free Press*, 19 January 1962, hlm.1.

²⁷ *The Straits Times*, 2 April 1962, hlm.11.

²⁸ Ibid.

²⁹ CO1035/252, Background Details to the Clandestine Communist Organization and The Relations Between the CCO And Indonesia.

³⁰ *The Straits Times*, 9 February 1962, hlm.9.

³¹ *The Straits Times*, 19 February 1962, hlm.18.

³² *The Straits Times*, 26 January 1962, hlm.20.

³³ *The Straits Times*, 27 February 1962, hlm.5.

³⁴ *Berita Harian*, 18 January 1962, hlm.1.

³⁵ R2D/X/27 Annual Report 1962, Simanggang District.

³⁶ RO.S.A/001, Second Division Annual Report For 1962.

³⁷ James Wong Kim Min, *The Birth of Malaysia: A Reprint the Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak, 1962 (Cobbold Report) and The Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 (I.G.C. Report)*, Kuching: Lee Ming Press Company, 1993, Kuching, hlm.6-7.

³⁸ RO/202/14, Minutes of a meeting of Sibu Urban District Council, 29th August 1962.

³⁹ CAB120/179, Minutes of a Meeting held at Admiralty House, S. W. 1., on Wednesday, 15th November, 1961, at noon, p.3.

⁴⁰ CO947/37 Letter from Anjang ak Soh to the Secretary, Cobbold Commission, 8th Feb. 1962.

⁴¹ CO947/37 Surat daripada Wan Norlia Binti Wan Mohammad dan lain-lain kepada Tuan Pengurus, Surohanjaya Penyelidik Hal Malaysia, 12hb Februari 1962.

⁴² CO947/37 Letter from O.K.P.Tagas.

⁴³ FCO141/12706A, Letter from District Officer, Lubok Antu to the Secretary, Cobbold Commission, 25th March, 1962.

⁴⁴ Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Bin Samsudin, "Reaksi Masyarakat Limbang terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962, *Akademika*, 81(1), 2019, hlm.166.

⁴⁵ *The Straits Times*, 29 August 1963, hlm.20.

⁴⁶ Perikatan Sarawak adalah gabungan parti-parti yang menyokong Malaysia. Ahli-ahlinya terdiri daripada PANAS, BARJASA, SNAP, SCA dan Pesaka Anak Sarawak (PESAKA). Namun demikian PANAS yang menyokong Malaysia telah keluar daripada gabungan tersebut pada tahun 1963 kerana tidak setuju dengan pembahagian kerusi antara komponen Perikatan Sarawak.

⁴⁷ RO/202/15, Minutes of an Extra-ordinary meeting of the Sibu Urban District Council, 19 August, 1963.

⁴⁸ *The Straits Times*, 3 August 1963, hlm.9.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ *The Straits Times*, 29 August 1963, hlm.20.

⁵¹ Ibid.

⁵² CO1030/1502, From Foreign Office to Washington, July 8, 1963.

⁵³ *The Straits Times*, 13 April 1963, hlm.1.

⁵⁴ *The Straits Times*, 29 August 1963, hlm.20.

⁵⁵ Ibid.

⁵⁶ Lawatan Penyiasatan PBB ini diwujudkan kerana bantahan Indonesia dan Filipina keatas Malaysia. Semasa persidangan Maphilindo, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan kepada kedua-dua pemimpin ini agar satu badan penyiasatan ditubuhkan untuk melakukan tinjauan di Sarawak dan Sabah tentang Malaysia.

⁵⁷ *The Straits Times*, 29 August 1963, hlm.20.

Rujukan

2000/0026739. 1962. Malaysia Discussions Minutes of Meeting.

A1838/3032/2/1. Part1 British territories of South East Asia - Colony of Sarawak.

B/39/1. Tahun. District Office Saratok, Malaysia Sarawak, Etc.

Berita Harian, 18 Januari 1962.

Berita Harian, 2 Ogos 1961.

Berita Harian, 21 Disember 1961.

Berita Harian, 24 Ogos 1961.

Berita Harian, 8 Februari 1962.

CAB130/179. 1961-1962. Greater Malaysia Meetings 1-3- Papers 1-3.

CO1030/1502. 1963. Sarawak Indonesian raids.

CO1035/252. 1963-1965. Communism in Sarawak, Malaysia.

CO947/37. 1962. Submissions - Kuching - Malay (Vol I).

Pembentukan Malaysia: Reaksi dan Harapan Pemimpin dan Rakyat Sarawak

- FCO141/12706A. 1961-1962. Sarawak Greater Malaysia; public opinion in Sarawak.
- Habid's Buhigiba Bin Mohamad Bustamam, Suffian Mansor & Mohd Bin Samsudin. "Reaksi Masyarakat Limbang terhadap Rancangan Pembentukan Malaysia Melalui Siasatan Suruhanjaya Cobbold 1962," *Akademika* 81, no.1: 161-173.
- Haji Sami Bin Nor. 1994. *Perjuangan Politik: Haji Sami Bin Nor*. Kuching: Tuan Haji Sami Bin Nor.
- Leigh, Michael B. 1988. *The Rising Moon: Political Change in Sarawak*. Kuala Lumpur: Antara Book Company.
- Mohd. Bin Samsudin. 2016. *Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Noor Bin Abdullah. 1979. *Kemasukan Sabah dan Sarawak Ke Dalam Persekutuan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ongkili, James P. 1967. *The Borneo Response to Malaysia, 1961-1963*. Singapore: Donald Moore Press Ltd.
- Pol 18 Sarawak 1962, 1963 & 1964, Report on Political Parties in Sarawak on October 18th 1963.
- Porritt, Vernon L. 1997. *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Oxford: Oxford University Press.
- R2D/X/27. Simanggang District.
- RO.S.A/001. Annual Report – 2ND Division.
- RO/202/14. Sibu Urban District Council Minute of Meeting.
- RO/202/15. Sibu Urban District Council Minute of Meeting.
- RO/99/3. District Advisory Council.
- Sanib Said. 1985. *Malay Politics in Sarawak: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Sarawak Dalam Sa-Minggu*. 12 Julai hingga 18 Julai, 1961. No.28/61.
- Sarawak Gazette*, 1 January 1962.
- Suffian Mansor. "Kemunculan dan Peranan Parti Negara Sarawak (PANAS) dalam Politik Sarawak Menjelang Pembentukan Malaysia (1960 – 1963)," *Akademika* 91, no. 3, 117-129.
- The Singapore Free Press*, 19 January 1962.
- The Straits Budget*, 30 August 1961.
- The Straits Times*, 10 July 1961.
- The Straits Times*, 10 October 1961.
- The Straits Times*, 11 July 1961.
- The Straits Times*, 13 April 1963.
- The Straits Times*, 14 February 1962.
- The Straits Times*, 14 July 1961.
- The Straits Times*, 19 February 1962.
- The Straits Times*, 2 April 1962.
- The Straits Times*, 2 June 1961.
- The Straits Times*, 26 January 1962.
- The Straits Times*, 27 September 1962.
- The Straits Times*, 28 February 1963.
- The Straits Times*, 29 August 1963.
- The Straits Times*, 3 August 1963.
- The Straits Times*, 6 July 1961.
- The Straits Times*, 9 February 1962.

Suffian Mansor, Azlizan Mat Enh & Awang Azman Awang Pawi

Wong Kum Min, James. 1993. *The Birth of Malaysia: A Reprint the Report of the Commission of Enquiry, North Borneo And Sarawak, 1962 (Cobbold Report) and The Report of the Inter-Governmental Committee, 1962 (I.G.C. Report)*, Kuching: Lee Ming Press Company.